

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

3755/1

PERDAGANGAN

Kertas 1

Nov./Dis.

1  $\frac{1}{4}$  jam

Satu jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.


[Lihat halaman sebelah

- 1 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kehendak?
- A Tuntutan semula jadi manusia
  - B Sama mengikut taraf hidup
  - C Mudah untuk dipuaskan
  - D Kehidupan yang selesa
- 2 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan keperluan sosial?
- A Ahmad telah membeli sekampit beras untuk keluarganya
  - B Rama telah membawa keluarganya berkelah di tepi pantai
  - C Daisy berjaya mencapai cita-citanya sebagai seorang doktor
  - D Anita telah mengambil insurans kemalangan untuk melindungi dirinya
- 3 Maklumat berikut menerangkan satu konsep dalam pengeluaran.

Aktiviti mengagihkan barangan daripada pengeluar asal kepada pengguna akhir bagi memenuhi keperluan dan kehendak.

Apakah konsep tersebut?

- A Pengkhususan
  - B Perdagangan
  - C Perniagaan
  - D Pemasaran
- 4 Rajah 1 menunjukkan sebahagian daripada cabang pengeluaran.



Rajah 1

Apakah contoh pengeluaran yang mewakili X?

- A Cari gali minyak
- B Penternakan ikan
- C Projek perumahan
- D Pemprosesan makanan

- 5 Apakah kelebihan pengkhususan?
- A Pekerja lebih kreatif
  - B Pengangguran diatasi
  - C Kepuasan kerja tinggi
  - D Pengeluaran besar-besaran
- 6 Maklumat berikut adalah peranan bantuan perniagaan.
- X - meningkatkan permintaan
  - Y - menyelaraskan penawaran dengan permintaan
- Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Pergudangan	Komunikasi
B	Pengangkutan	Komunikasi
C	Promosi	Pergudangan
D	Pengangkutan	Promosi

- 7 Gambar 1 berkaitan dengan suatu fungsi peruncit kecil-kecilan.




Gambar 1

Apakah fungsi tersebut?

- A Menstabilkan harga
- B Memperagakan barang
- C Menjamin bekalan berterusan
- D Menjalankan kerja-kerja akhir

- 8 Antara yang berikut, yang manakah kelebihan peruncit kecil-kecilan?
- I Mengamalkan layan diri
  - II Menanggung kos overhead yang rendah
  - III Mendirikan premis berhampiran pelanggan
  - IV Menanggung liabiliti terhad
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 9 Apakah contoh kedai sejaras?
- A Giant
  - B Metro Jaya
  - C Kedai Katalog
  - D Kedai Kasut Bata
- 10 Rajah 2 berkaitan dengan cabang perniagaan.



Rajah 2

- Pernyataan manakah benar tentang X?
- A Membeli barang daripada penduduk di negara lain
  - B Membeli dan menjual barangan melepasi sempadan sesebuah negara
  - C Membeli barangan dari negara lain dan menjual semula ke negara lain
  - D Membeli dan menjual barangan antara penduduk di dalam sesebuah negara

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga antara Syarikat Putra dengan Kedai Bersatu.

1 Januari 2014 : Syarikat Putra menghantar invois kepada Kedai Bersatu berjumlah RM1 200.  
3 Januari 2014 : Kedai Bersatu memulangkan barang yang tersalah jenama berjumlah RM200.

Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar oleh Kedai Bersatu?


- A RM200  
B RM1 000  
C RM1 200  
D RM1 400
- 12 Pernyataan manakah yang menerangkan tentang bayaran tertunda?
- A Kaedah jualan untuk barang yang mempunyai nilai jualan semula yang tinggi  
B Barang masih menjadi milik penjual selagi ansuran belum habis dibayar  
C Kegagalan membayar ansuran tidak menyebabkan barang ditarik balik  
D Perjanjian antara penjual dengan pembeli mesti ditandatangani
- 13 Maklumat berikut menerangkan fungsi yang dilakukan oleh suatu pihak di dalam saluran agihan.

- Memecah pukal
- Menyampaikan maklumat
- Menjual pelbagai jenis barang
- Menyediakan kemudahan kredit

Siapakah pihak tersebut?

- A Ejen  
B Broker  
C Peruncit  
D Pengeluar


- 14 Rajah 3 menunjukkan perkaitan antara syarikat kereta dengan pembekal-pembekal komponen kereta.



Rajah 3

Apakah faedah yang diperoleh pembekal tersebut?

- A Pasaran keluaran terjamin
  - B Modal disumbang oleh syarikat kereta
  - C Kebebasan menentukan bentuk produk
  - D Keuntungan dikongsi dengan syarikat kereta
- 15 Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri Industri Kecil dan Sederhana?
- A Jualan tahunan melebihi RM30 juta
  - B Lokasi tertumpu di bandar-bandar utama
  - C Produk yang dihasilkan berteknologi tinggi
  - D Bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang
- 16 Rajah 4 menunjukkan jenis milikan perniagaan.



Rajah 4

Manakah yang mewakili X dan Y?

	X	Y
A	Syarikat Canggih Sdn. Bhd.	Syarikat Pintar Berhad
B	Kedai Runcit Mutiara	Syarikat Sinar Sdn. Bhd.
C	Kedai Motor Tan & Co.	Klinik Dr. Nasir
D	Syarikat Teguh Berhad	Jabatan Kerja Raya

- 17 Barang manakah merupakan stok yang bergerak pantas?
- A Kereta
  - B Perabot
  - C Gula pasir
  - D Barang kemas
- 18 Apakah peranan Bursa Saham Kuala Lumpur (Bursa Malaysia) kepada pelabur?
- A Menaikkan harga saham
  - B Menetapkan kadar dividen
  - C Menyediakan tempat pasaran saham
  - D Menerima komisen daripada penjualan saham
- 19 Arman membeli sebuah rumah bernilai RM300 000. Dua tahun kemudian, dia menjual dengan harga RM400 000.  
Apakah bentuk pulangan yang diperoleh Arman?
- A Faedah
  - B Dividen
  - C Keuntungan modal
  - D Pendapatan semasa
- 20 Pilih pasangan yang benar.

	<b>Pelabur / Spekulator</b>	<b>Keterangan</b>
<b>A</b>	Pelabur	Membeli dan menjual syer dalam masa yang singkat
<b>B</b>	Penelah turun	Membeli syer sekarang dan menjualnya semula untuk memperoleh keuntungan dalam masa yang singkat
<b>C</b>	Stag	Membeli syer yang baru diterbitkan dengan harapan menjualnya pada harga yang lebih tinggi
<b>D</b>	Penelah Naik	Menjual syer secara besar-besaran dengan harapan harganya jatuh

- 21** Antara yang berikut, yang manakah kelebihan akaun simpanan tetap?
- I Sijil simpanan dibenarkan pindah milik
  - II Penyimpan diberi kemudahan overdraf
  - III Kadar faedah simpanan mengikut tempoh
  - IV Akaun simpanan boleh dicagarkan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 22** Perkara manakah yang dipertimbangkan oleh Syarikat Jaminan Kredit Malaysia untuk menjamin sesuatu pinjaman?
- A Perujuk diperlukan semasa memohon  
B Pemohon terlibat dalam industri berat  
C Projek yang diusahakan berdaya maju  
D Pengusaha terdiri daripada pelabur asing
- 23** Antara yang berikut, yang manakah ciri sistem perbankan konvensional?
- I Prinsip perkongsian untung rugi
  - II Dibayar dividen atas simpanan
  - III Mementingkan keuntungan
  - IV Mengenakan faedah kepada peminjam
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV



- 24 Jadual 1 menunjukkan bayaran yang perlu dijelaskan oleh Puan Norhayati dengan menggunakan suatu kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

Jenis Bayaran	Amaun	Tarikh Bayaran Setiap Bulan
Sewa rumah	RM700	2 hari bulan
Premium insurans hayat	RM150	15 hari bulan

Jadual 1

- Apakah kemudahan pembayaran tersebut?
- A Arahkan tetap
  - B Cek jurubank
  - C Pindahan kredit
  - D Pindahan telegraf
- 25 Insured mesti memberi maklumat yang benar semasa mengisi borang cadangan untuk membeli polisi insurans.
- Apakah prinsip insurans tersebut?
- A Indemniti
  - B Subrograsi
  - C Penuh percaya mutlak
  - D Kepentingan boleh insurans
- 26 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan insurans motor komprehensif?
- A Fasal lebihan tidak dikenakan kepada insured
  - B Perlindungan merangkumi insured dan pihak ketiga
  - C Premium insurans ini bergantung kepada usia insured
  - D Polisi insurans ini diwajibkan pada semua kenderaan di jalan raya
- 27 Puan Rabiatul diwajibkan mengambil insurans gadaian semasa menandatangani perjanjian pinjaman perumahan di sebuah bank.
- Mengapakah pihak bank berbuat demikian?
- A Melindungi bank sekiranya rumah tersebut dirompak
  - B Menghalang Puan Rabiatul daripada menjual rumahnya
  - C Insurer membayar pampasan sekiranya berlaku kebakaran
  - D Insurer membayar baki hutang sekiranya Puan Rabiatul meninggal dunia

- 28 Apakah skim takaful yang perlu diambil oleh Encik Ahmad yang mempunyai pekerja seramai 120 orang?
- A Takaful liabiliti majikan
  - B Takaful kemalangan
  - C Takaful liabiliti am
  - D Takaful rawat

- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kapal.

- Jadual perjalanan tidak tetap
- Tambang kapal boleh dirunding
- Melibatkan dokumen janji carter

Apakah jenis kapal tersebut?

- A Kapal kargo
  - B Kapal kerentan
  - C Kapal penumpang
  - D Kapal pesisir pantai
- 30 Pernyataan manakah merupakan kelebihan pengkontenaan?
- I Mengurangkan risiko kecurian barang
  - II Menjimatkan ruang dalam gudang
  - III Meminimakan kos sewaan kontena
  - IV Memudahkan penghantaran kayu balak
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

31 Sheela hendak mengirinkan sepucuk surat kepada kawannya di Amerika Syarikat dengan menggunakan perkhidmatan mel yang paling murah.

Apakah perkhidmatan tersebut?

- A Pos laju
- B Aerogram
- C Pos daftar
- D Mel udara

32 Pilih pasangan yang benar.

	Jenis Gudang	Keterangan
A	Gudang berbon	Kemudahan penyeteran barang-barang kerajaan
B	Gudang pengilang	Merupakan gudang persendirian
C	Gudang pemborong	Terletak di pintu masuk negara
D	Gudang kerajaan	Memecah pukat barang yang belum dibayar cukainya

33 Pernyataan manakah menerangkan ciri gudang yang baik?

- A Sistem perekodan yang sistematik
- B Kemudahan menjalankan penyelidikan
- C Kaunter pertanyaan bagi memudahkan urusan
- D Lokasi yang berdekatan dengan pengguna akhir

34 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gudang.

- Dimiliki oleh syarikat swasta
- Menandatangani perjanjian dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Apakah jenis gudang tersebut?

- A Gudang peruncit
- B Gudang berlesen
- C Gudang kerajaan
- D Gudang pengilang

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 35 Apakah tujuan logo Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dicetak di atas barang?
- A Menandakan barang kawalan harga
  - B Melabelkan barang buatan Malaysia
  - C Menunjukkan barang keluaran SIRIM
  - D Memastikan mutu barang menepati tahap yang ditetapkan

- 36 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pelepasan cukai.

- Khas untuk syarikat yang berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC)
- Menikmati insentif ini selama lima tahun daripada tarikh syarikat mendapat hasil

Apakah bentuk pelepasan cukai tersebut?

- A Potongan cukai
  - B Pengecualian cukai
  - C Elaun cukai pelaburan
  - D Elaun pelaburan semula
- 37 Maklumat berikut berkaitan dengan seorang peniaga.

Puan Athirah sedang mengenal pasti ruang niaga untuk membuka perniagaan. Beliau juga memerlukan tambahan modal RM50 000 dan ingin menimba ilmu pengurusan perniagaan.

Apakah agensi yang dapat membantu Puan Athirah?

- A Majlis Amanah Rakyat (MARA)
  - B Bank Pertanian Malaysia (Agro bank)
  - C Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)
  - D Bank Pembangunan Infrastruktur Malaysia Berhad (SME Bank)
- 38 Apakah tujuan usahawan menyediakan kaunter aduan dalam premisnya?
- A Mempromosikan barang
  - B Menyemak harga barang
  - C Menyelia urusan pembayaran
  - D Menerima rungutan pelanggan

- 39** Apakah prinsip yang diamalkan oleh Puan Aminah yang suka membeli belah pada musim Jualan Mega?
- A** Mengetahui teknik membeli
  - B** Menentukan masa untuk membeli
  - C** Menentukan sebab dan rasional untuk membeli
  - D** Menentukan jenis barang yang sesuai untuk dibeli
- 40** Antara yang berikut, yang manakah prinsip asas Etika Amalan Perniagaan?
- I** Peniaga mengakui hak-hak pengguna
  - II** Pengeluar membina laman web firma
  - III** Peruncit mempraktikkan promosi jualan
  - IV** Pengusaha mengamalkan perniagaan yang sihat
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014**

**3755/2**

**PERDAGANGAN**

**Kertas 2**

**Nov./Dis.**

2 jam

**Dua jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.


[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Bahagian A**

[75 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja.*

- 1 (a) Jelaskan tahap keperluan manusia dengan menggunakan model Hierarki Keperluan Maslow. [6 markah]
- (b) Gambar 1 menunjukkan sejenis rangkaian produk.



Gambar 1

Terangkan penciptaan nilai faedah yang wujud dalam proses pengeluaran produk tersebut. [6 markah]

- (c) Perbualan berikut berkaitan dengan sejenis pengeluaran.

Busu : Bila bersara nanti, saya bercadang untuk memernak 100 ekor lembu daging di tanah seluas lima hektar. Anak-anak dah bersetuju untuk membantu. Sekarang pun saya sedang mengikuti kursus penternakan lembu. Lembu-lembu itu nanti saya akan jual di sekitar Lembah Klang.

Ahmad : Baguslah begitu. Mudah-mudahan awak berjaya, Busu.

Apakah jenis pengeluaran yang bakal diusahakan oleh Busu?

Beri alasan anda.

[4 markah]

- (d) Situasi berikut berkaitan dengan pengeluaran pisang.

Encik Ibrahim mengusahakan ladang pisang di Bentong, Pahang. Setiap dua minggu beliau akan menghubungi pemborong agar mengambil bekalan pisang untuk pasaran Kuantan. Bayaran untuk bekalan pisang tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Encik Ibrahim.

- (i) Terangkan **dua** bantuan perniagaan yang membantu Encik Ibrahim.

[4 markah]

- (ii) Jelaskan perkaitan antara aktiviti pengeluaran tersebut dengan aktiviti perdagangan dan perniagaan.

[5 markah]



- 2 (a) Syarikat Pemco adalah sebuah perniagaan borong yang menjual pelbagai jenis barang keperluan harian. Perniagaannya menjadi tumpuan orang ramai walaupun pelanggan-pelanggan dikehendaki membayar secara tunai dan tiada perkhidmatan selepas jualan disediakan.

Jelaskan kelebihan jenis perniagaan ini kepada:

- (i) Syarikat Pemco [4 markah]
- (ii) Pelanggan [5 markah]
- (b) Jelaskan perkara berikut:
- (i) Diskaun tunai [3 markah]
- (ii) Diskaun niaga [3 markah]
- (c) Gambar 2 menunjukkan sejenis kenderaan.



Gambar 2

- (i) Terangkan jenis saluran agihan yang sesuai untuk memasarkan kenderaan tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pengeluar dalam pemilihan saluran agihan di 2(c)(i). [4 markah]
- (d) Jelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa kepada pengguna. [4 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha keropok di Tanjung Dawai, Sungai Petani, Kedah.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Modal kecil</li> <li>• Menggunakan teknologi pengeluaran rendah</li> <li>• Pemasaran yang kurang berkesan</li> <li>• Menanggung kos pengeluaran yang semakin meningkat</li> </ul> |
|--|

Ketua kampung Tuan Haji Amin bercadang untuk menubuhkan koperasi bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Bagaimanakah cadangan ketua kampung dapat menyelesaikan masalah tersebut?  
[6 markah]

- (b) Jadual 1 menunjukkan kadar faedah yang ditetapkan oleh sebuah bank untuk pelaburan dalam akaun simpanan tetap.

Tempoh (Bulan)	Kadar Faedah Setahun (%)
1 - 2	3.00
3 - 5	3.05
6 - 11	3.10
12 - 24	3.15
36	3.30
48	3.40
60	3.50

Jadual 1

- (i) Encik Nabil telah menyimpan sebanyak RM50 000. Tempoh matang bagi simpanan tersebut ialah tujuh bulan. Pada tarikh matang, beliau telah mengeluarkan semua wang simpanannya.  
Hitung jumlah pulangan yang diperolehi daripada pelaburan tersebut.  
[2 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan jenis pelaburan di 3(b)(i).  
[5 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- (c) Encik Zamri merupakan seorang kontraktor pembinaan. Beliau telah memperoleh tender untuk menyiapkan projek perumahan yang bernilai RM16 juta. Beliau diberi tempoh selama dua tahun untuk menyiapkan projek tersebut. Beliau memerlukan pelbagai jenis jentera bernilai tinggi tetapi tidak berhasrat untuk membelinya. Pembelian jentera hanya akan mengurangkan jumlah keuntungan yang bakal diperolehnya.
- (i) Apakah kaedah pembiayaan yang sesuai dipilih oleh Encik Zamri bagi membolehkannya menggunakan jentera tersebut? [1 *markah*]
- (ii) Bagaimanakah kaedah pembiayaan di 3(c)(i) membantu melancarkan pelaksanaan projek tersebut? [5 *markah*]
- (iii) Terangkan **tiga** jenis perkhidmatan pembayaran bank perdagangan yang boleh digunakan oleh Encik Zamri untuk membayar balik pembiayaan di 3(c)(i). [6 *markah*]

- 4 (a) Encik Hamizi baru menjawat jawatan sebagai seorang jurutera di sebuah syarikat cari gali minyak. Beliau mempunyai seorang isteri dan bakal menimang cahaya mata. Beliau bercadang untuk mendapat perlindungan insurans tetapi hanya mempunyai peruntukan wang sebanyak RM260 sebulan.

Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis polisi insurans yang telah ditawarkan kepadanya.

Butiran	Insurans Hayat Seumur Hidup	Insurans Endowmen
Tempoh bayaran premium	20 tahun	15 tahun
Nilai perlindungan	RM700 000	RM500 000
Bayaran premium sebulan	RM230	RM250

Cadangkan jenis polisi yang sesuai kepada Encik Hamizi.

Beri alasan anda.

[4 markah]

- (b) The Great Sdn. Bhd. merupakan pengeluar pinggan mangkuk berasaskan tembikar. Pasaran bagi produk ini adalah ke seluruh negara. Produk diedarkan kepada pembekal dengan menggunakan lori kontena.

Mengapakah The Great Sdn. Bhd. menggunakan jenis pengangkutan tersebut?

[7 markah]

- (c) Jelaskan perkhidmatan telekomunikasi berikut:

(i) Sidang video

[3 markah]

(ii) Telefaks

[4 markah]

- (d) Puan Liyana merupakan seorang pemborong buah-buahan. Buah-buahan tersebut diimport daripada New Zealand. Beliau amat memerlukan perkhidmatan pergudangan untuk menyimpan buah-buahan tersebut apabila sampai di pelabuhan sebelum dipasarkan.

Apakah jenis gudang yang sesuai digunakan oleh Puan Liyana?

Beri alasan anda.

[7 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 5 (a) Syarikat Cempaka Biru merancang untuk mengeluarkan batik secara besar-besaran. Encik Shamsul, pengurus pemasaran telah diarahkan untuk merancang campuran pemasaran.

Terangkan campuran pemasaran bagi produk tersebut. [8 markah]

- (b) Huraikan **dua** agensi kerajaan yang membantu mempromosikan dan memasarkan hasil pertanian pekebun kecil. [6 markah]

- (c) Etika amalan perniagaan yang dilancarkan pada tahun 1982 telah menggariskan tingkah laku dan tatasusila yang perlu diamalkan oleh peniaga dan pembeli di pasaran.

Jelaskan tanggungjawab pembeli terhadap penjual. [5 markah]

- (d) Berikut adalah situasi yang dihadapi oleh Encik Razlan.

Encik Razlan telah membeli sebuah rumah pada 16 Januari 2005. Sembilan bulan kemudian, dinding rumahnya mengalami keretakan. Aduan secara bertulis telah dibuat kepada pemaju tetapi tidak ada tindakan yang diambil.

Terangkan hak Encik Razlan sebagai pengguna berdasarkan situasi tersebut. [6 markah]

**Bahagian B**

[25 markah]

*Soalan ini wajib dijawab.*

- 6 Puan Fatimah memulakan perniagaan menjual kuih-muih tradisional kepada orang ramai di Bandar Alor Setar dengan menggunakan bantuan modal sebanyak RM3 000 daripada Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (AIMB). Dia mendaftarkan perniagaannya dengan nama Mutiara Delight dan dibantu oleh suami dan anak-anaknya. Setelah seminggu beroperasi, dia mendapati hasil jualan kuih-muihnya kurang menguntungkan dan tidak mampu membayar balik pinjaman modal sebanyak RM40 seminggu kepada AIMB. Suaminya, Encik Zahir mendapati orang ramai tidak mengetahui kewujudan kuih-muih yang dijual kerana mereka masih baru dan kurang pengalaman dalam selok belok perniagaan ini. Dia mencadangkan agar mereka mempromosikan produk dengan mengedar contoh kuih-muih secara percuma kepada jiran-jiran dan pemilik-pemilik premis perniagaan. Puan Fatimah tidak bersetuju dengan cadangan suaminya.

Setelah enam bulan beroperasi, Mutiara Delight meneroka pasaran ke restoran-restoran dan stesen-stesen minyak. Usaha mereka berkesan. Namun terdapat segelintir pemilik yang tidak berminat untuk menjual kuih-muih keluaran Mutiara Delight. Mereka khuatir kuih-muih tersebut tidak laku dan terpaksa menanggung kerugian. Mereka hanya akan bersetuju jika Mutiara Delight menawarkan kaedah jualan yang menarik.

Kuih muih yang pelbagai jenis dan enak telah menjadikan Mutiara Delight semakin dikenali. Lima pemilik cafe dan tiga buah hotel telah membuat tawaran agar Mutiara Delight membekalkan produknya setiap hari kepada mereka. Namun apabila pihak hotel menganjurkan majlis besar-besaran secara serentak, Mutiara Delight menghadapi kesukaran untuk menghantar tempahan dalam masa yang ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan Mutiara Delight memohon pinjaman sebanyak RM210 ribu daripada bank perdagangan untuk membeli tambahan dua buah van komersil tetapi ditolak.

Perluasan pasaran produk ke seluruh negara menyebabkan Mutiara Delight terus mengalami perkembangan positif yang amat pesat. Kapasiti mesin dan peralatan yang sedia ada tidak lagi dapat menampung keperluan permintaan. Suntikan modal diperlukan. Bilangan pekerja juga perlu ditambah. Mutiara Delight menghadapi cabaran untuk mendapatkan modal tambahan. Akhirnya Puan Fatimah membuat keputusan untuk menukar milikan perniagaan agar dapat diurus oleh Lembaga Pengarah tanpa perlu memaklumkan kedudukan kewangan perniagaan kepada orang ramai.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan berikut:

- (a) Terangkan media pengiklanan lain yang sesuai digunakan oleh Puan Fatimah untuk mempromosikan produknya. [6 markah]
- (b) (i) Apakah kaedah jualan tersebut?  
Beri alasan anda. [6 markah]
- (ii) Bagaimanakah kaedah di 6(b)(i) dapat membantu Puan Fatimah dalam perniagaannya? [3 markah]
- (c) Mengapakah bank perdagangan bertindak demikian? [3 markah]
- (d) (i) Apakah jenis milikan yang telah dipilih oleh Puan Fatimah? [1 markah]
- (ii) Bagaimanakah jenis milikan perniagaan tersebut memberi faedah kepada perniagaannya? [6 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT